



أَمَانَةٌ تَّاھُونْ بَهَارُو

AMANATTAHUN BAHARU

2020

&

**PELANCARAN PELAN INDUK
PEMBANGUNAN MAMPAN
NEGERI KELANTAN 2019-2023**

YAB USTAZ DATO' HAJI AHMAD BIN YAKOB
(DATO' BENTARA KANAN)
MENTERI BESAR NEGERI KELANTAN



02 JANUARI 2020 • 06 JAMADIL AWAL 1441

MERAKYAT MEMBANGUN BERSAMA ISLAM
KEBERKATAN • KEMAKMURAN • KEBAJIKAN



YAB USTAZ DATO' HAJI AHMAD BIN YAKOB
S.J.M.K., D.J.M.K., J.P., S.M.K.
(DATO' BENTARA KANAN)
MENTERI BESAR KELANTAN



MERAKYAT MEMBANGUN
BERSAMA ISLAM

KE ARAH
**PEMBANGUNAN MAMPAN
NEGERI KELANTAN**





منزري بسر كلنتن

TEKS UCAPAN

AMANAT KHAS YAB MENTERI BESAR KELANTAN

TAHUN 2020

PERHIMPUNAN PENJAWAT AWAM NEGERI KELANTAN

06 JAMADIL AWWAL 1441H BERSAMAAN 02 JANUARI 2020 (KHAMIS)

BERTEMPAT DI DEWAN JAMUAN UTAMA, MASA: JAM 8.30 PAGI

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته
 الحمد لله والصلوة والسلام على رسوله الذي ختم به الرسالة
 وعلى آله وأصحابه ومن تبعهم إلى يوم القيمة
 قال الله تعالى:

وَالَّذِينَ يُؤْتُونَ مَا آتُوا وَقُلُوبُهُمْ وَجِلَةُ أَنَّهُمْ إِلَى رَبِّهِمْ رَاجِعُونَ

أُولَئِكَ يُسَارِعُونَ فِي الْخَيْرَاتِ وَهُمْ لَهَا سَابِقُونَ

Dan orang-orang yang memberikan apa yang telah mereka berikan (seperti zakat, sedekah dan amalan-amalan salih yang mereka kerjakan) sedang hati mereka takut (kalau-kalau amalan mereka itu tidak diterima kerana mereka tahu) bahawa mereka akan kembali kepada Tuhan mereka(60).

Mereka (yang bersifat demikian) itulah yang sentiasa bersegera dalam mengerjakan kebaikan-kebaikan dan merekalah orang-orang yang lebih dahulu memperolehnya(61). **Al- Mu'minum 60-61**

1. Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran kita panjatkan ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah dan izinNya membolehkan kita untuk sama-sama berada di Majlis Amanat Tahun Baru bagi Tahun 2020 pada suasana pagi yang berbahagia ini.

2. Terlebih dahulu, saya ingin mengucapkan Selamat Tahun Baharu 2020 kepada semua, semoga kemunculan tahun baharu ini diiringi dengan iltizam baharu oleh seluruh warga Perkhidmatan Awam Negeri Kelantan.
3. Kita berhimpun di sini sebagai sebuah pasukan yang bakal menyepadukan segala usaha yang telah dihasratkan dalam Pelan Strategik Kelantan Melangkah Kehadapan (KMK, 2016 – 2025) dalam menzahirkan tekad kita untuk mengharungi suatu perjalanan secara bersama, menerajui dan membawa Kelantan ke hadapan berlandaskan agenda Merakyat Membangun Bersama Islam.
4. Perhimpunan sebegini juga merupakan landasan untuk kita berkongsi maklumat mengenai perkembangan di Negeri Kelantan untuk disampaikan ke peringkat, jabatan, jajahan dan seterusnya ke peringkat akar umbi.
5. Maka, kehadiran warga penjawat awam pada pagi ini melambangkan komitmen semua jabatan dan agensi kerajaan dalam menyokong penuh kepimpinan Kerajaan Negeri untuk mensejahterakan kehidupan rakyat.
6. Saya mengambil peluang untuk menyatakan penghargaan kepada seluruh warga kerja perkhidmatan Awam Negeri Kelantan atas komitmen, keazaman dan kerja keras berpasukan yang ditunjukkan dalam melaksanakan segala tugas yang telah ditaklifkan sepanjang tahun 2019.
7. Saya percaya, pelaksanaan Dasar, Penilaian Prestasi serta Pencapaian dan kejayaan sepanjang tahun 2019 yang lalu akan menjadi panduan dan persiapan bagi kita menghadapi cabaran tahun 2020 ini.

8. Sesungguhnya, kesepaduan Kepimpinan Kerajaan Negeri bermula dengan Menteri Besar, Timbalan Menteri Besar dan barisan Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri dengan kerjasama erat warga Perkhidmatan Awam yang diketuai oleh YB Dato' Kaya Setia Setiausaha Kerajaan Negeri telah matijahkan kejayaan yang telah mengharumkan nama negeri Kelantan.
9. Pimpinan Kerajaan Negeri dan penjawat awam saling bergading bahu antara satu sama lain. Kuat akar kerana tunjang, kuat tunjang kerana akarnya.

*Padi bendang sudah diikat,
Lalu disimpan di atas para,
Penjawat awam sama muafakat,
Negeri mampan rakyat sejahtera.*

Hadirin dan Hadirat yang saya Hormati Sekalian,

10. Pentadbiran Negeri Kelantan dibawah Fasa Merakyatkan Membangun Bersama Islam yang di terapkan sejak Mei 2013 berdasarkan Pelan strategik **Kelantan Melangkah Ke Hadapan; Kerberkatan, Kemakmuran, Kebajikan** sedang berjalan dengan jayanya.
11. Begitu juga Pelaksanaan Manifesto Pilihanraya yang Ke-14 telah dan sedang berjaya dilaksanakan bagi memastikan segala perancangan yang dibuat dapat dilaksanakan dengan sepenuhnya.

12. Sebagaimana yang dimaklumi, Strategi Lautan Biru dalam Perkhidmatan Awam telah dilancarkan di peringkat nasional pada tahun 2009 dan perkhidmatan Awam Negeri Kelantan turut sama dalam melaksanakan Strategi Lautan Biru ini.

13. Kerajaan Negeri telah menggubal strategi yang kreatif berdasarkan rangka kerja dan metodologi Strategi Lautan Biru yang menghasilkan impak yang ketara dengan kos yang minima. Pelaksanaan yang pantas telah dicapai melalui kerjasama dan kesukarelawan antara Jabatan.

14. Pentadbiran Awam Negeri telah melalui tahap-tahap dalam Strategi Lautan Biru. Saya kini ingin membawa hadirin dan hadirat ke ambang Strategi Lautan Hijau yang melibatkan 5 tahap.

15. Empat daripadanya telah pun dicapai melalui Strategi Lautan Biru. Hanya 1 Tahap lagi untuk mencapai pelaksanaan Strategi Lautan Hijau iaitu

Tahap 5 Lautan Hijau : Tahap Realisasi yang Berdaya Saing

16. Peralihan dari Tahap 4 Strategi Lautan Biru ke Tahap 5 Strategi Lautan Hijau boleh dicapai melalui keterlibatan rakyat dalam **Inovasi projek, produk dan perkhidmatan yang mampan**.

17. Strategi Lautan Hijau melibatkan integrasi antara 3 Nilai iaitu **Nilai Sosial, Nilai Ekonomi dan Nilai Alam Sekeliling**.

18. Sebagai Langkah pertama dalam menjayakan Strategi Lautan Hijau ini, Kerajaan Negeri pada hari ini akan melancarkan **Pelan Induk Pembangunan Mampan Negeri Kelantan 2019-2023.**

Hadirin dan Hadirat yang saya Hormati Sekalian,

19. Pembangunan bukan bersifat mundur ke belakang, tetapi melangkah jauh maju ke hadapan. Kemajuan yang dicipta melalui pembangunan boleh sahaja bersifat evolusi, revolusi dan transformasi. Kemajuan pembangunan yang dicitakan menurut Islam seperti mana firman Allah swt dalam surah al-Mulk ayat 15,

هُوَ الَّذِي جَعَلَ لَكُمُ الْأَرْضَ ذُلُولاً فَامْشُوا فِي مَا كَبَّهَا وَكُلُّوا مِنْ رِزْقِهِ وَإِلَيْهِ أُنْشُرُونَ

Dia lah yang menjadikan bumi bagi kamu: mudah digunakan, maka berjalanlah di merata-rata ceruk rantaunya, serta makanlah dari rezeki yang dikurniakan Allah; dan (ingatlah), kepada Allah jualah (tempat kembali kamu sesudah) dibangkitkan hidup semula; (maka hargailah nikmatNya dan takutilah kemurkaanNya).

20. Oleh yang demikian, Pembangunan mestilah dapat mendidik manusia supaya taat perintah Allah dan RasulNya. Rasulullah saw mengajar tentang pembangunan mesti bermula dengan pemantapan budaya (yakni pegangan akidah), kemudian pembangunan manusia dan seterusnya pembangunan struktur (negara).

21. Bersumberkan ilmu Islam yang memimpin kepada kemajuan pembangunan mampan seperti falsafah pembangunan negara al-Madina al-Fadila oleh al-Farabi pada Abad ke 10 yang menekankan aspek **kesatuan (ta'awun), kebahagian (al-sa'adah), masyarakat yang unggul (insan al-kamil) dan pemimpin yang bijak dan adil (al-Umara)**.

22. Islah dalam pembangunan mampan jika diambil manfaat dan halatujunya dapat menzahirkan negeri sejahtera dan memberi Keberkatan dan Kemakmuran untuk semua selaras dengan firman Allah SWT dalam surah Saba' ayat 15.

كُلُّوٰ مِنْ رِزْقِ رَبِّكُمْ وَآشْكُرُوا لَهُ بَلْدَةً طَيِّبَةً وَرَبَّ غَفُورٌ

yang bermaksud negara yang mempunyai penuh kebaikan, dan dijauhi sebarang kemungkaran (musibah) .

23. Oleh itu, Kebesaran sesuatu Negara atau negeri, tidak diukur dengan luas daerahnya tetapi diukur daripada watak masyarakatnya.

24. Pembangunan mampan menjaga semua aspek pembangunan supaya memberi faedah hubungan antara manusia dengan PenciptaNya, hubungan manusia dengan manusia yang lain serta hubungan manusia dengan persekitarannya yang tidak terbatas kepada zaman, waktu dan tempat .

25. Sehubungan dengan itu, Pelan Induk Pembangunan Mampan Negeri Kelantan (2019 – 2023) bakal menjadi rujukan dalam pelaksanaan agenda pembangunan negeri secara inklusif melibatkan pihak yang berkepentingan, termasuklah Kerajaan Negeri, GLC, swasta, para cendikiawan, belia dan rakyat.

26. Visinya adalah berwawasan untuk menjadikan Kelantan sebuah negeri yang senantiasa dilimpahi **Keberkatan, Kemakmuran dan Kebajikan** selari dengan dasar Membangun Bersama Islam melalui amalan pembangunan mampan.

27. Pelan Induk ini merupakan pelan **teras** bagi menyokong pelaksanaan **Pelan Strategik KMK** yang berfokuskan kepada pelaksanaan secara bersepadu aspek **ekonomi, sosial, alam sekitar, urus tadbir dan inovasi.**

28. Melalui pelan induk ini, Kerajaan berusaha untuk menjadikan negeri Kelantan sebagai negeri yang lebih berdaya saing, kualiti kehidupan rakyat yang tinggi, pemeliharaan alam sekitar yang mampan, urus tadbir yang efisien dan suasana yang berinovasi bagi merangsang pertumbuhan.

Hadirin dan Hadirat yang saya Hormati Sekalian,

29. Pembangunan mampan berupaya membuka peluang Pasaran dan Ekonomi Baharu Digital, Hijau dan berkitaran, melibatkan industri baharu strategik, seperti Bioplastik, Bandar Pintar dengan sokongan aplikasi Industri 4.0.

30. Kekuatan Ekonomi Negeri Kelantan sedia ada yang dapat dilihat dari aspek ekonomi pertanian, sistem perhubungan udara yang keempat tersibuk di Malaysia, pendidikan, pelbagai tarikan pelancongan, kepimpinan yang berintegriti, dan urus tadbir pembangunan negeri yang cemerlang.
31. Pelan Pembangunan Mampan ini disokong oleh empat nilai utama iaitu;

Pertama: Teras Ekonomi yang berfokuskan kepada meningkatkan ke tahap yang lebih kompetitif melalui teras strategi pertumbuhan hijau.

Tonggak ini akan dipacu melalui strategi pelaksanaan sektor Pertanian, pelancongan dan Pembuatan.

Kedua: Teras Alam Sekeliling yang berfokuskan kepada kemampuan sumber alam sekeliling melalui usaha pengurangan impak perubahan iklim.

Ketiga: Teras Sosial yang berfokuskan kepada kualiti kehidupan rakyat melalui komuniti yang berlandaskan cara kehidupan hijau.

Dan Keempat: Teras Urus Tadbir yang berfokuskan kepada kepimpinan yang berwawasan melalui pengurusan pintar bagi meningkatkan prestasi.

32. Dalam melaksanakan pelan ini, Projek-projek Induk di perkenalkan iaitu;

Pertama: Projek Pelancongan Hijau di Lojing Highlands berfokuskan kepada Taman Pemeliharaan Rafflesia;

Kedua: Projek Meningkatkan aktiviti, kualiti kehidupan setempat dan tarikan pelabur ke Bandar Baru Tunjong;

Ketiga: Projek meningkatkan aktiviti dan tarikan pelabur ke Rancangan kawasan Khas Tok Bali;

Keempat: Projek meningkatkan Bandar Kota Bharu sebagai Bandar yang Mampan dan Pintar; dan

Dan Kelima: Projek membangunkan Industri Global Bio-plastik di Negeri Kelantan.

Hadirin dan Hadirat yang saya Hormati Sekalian,

33. Dalam persediaan menghadapi ledakan Revolusi Industri 4.0 dan perkembangan pesat Teknologi Maklumat (Perluasan Infrastruktur Gentian Optik & 5G), usaha untuk membangunkan dan memperkasa Kandungan dan Penyiaran Digital berpaksikan Membangun Bersama Islam mesti dilaksanakan secara seiring.

34. Kesediaan infrastruktur dan sumber manusia bagi teknologi terkini IOT (*Internet of Things*), Data Raya (Big Data) dan pengintegrasian antara agensi Kerajaan adalah salah satu cabaran dalam menuju Kerajaan Digital.

35. Data Raya (Big Data) dapat membantu sesebuah organisasi dan juga pentadbiran Kerajaan bagi pemantauan permasalahan dan pembuatan keputusan yang strategik di setiap peringkat agensi.

36. Dalam hal ini juga, Sistem Penyampaian Kerajaan Digital telah ditambah baik dan dipertingkatkan bagi memastikan penyampaian perkhidmatan kepada rakyat menjadi lebih mudah, cepat dan mesra seperti Aplikasi E-Pembayaran Atas Talian secara mobile seperti Kelantan Pay dan system E- Nikah dan E-Qaryah.

37. Manakala, Sistem penyampaian Kerajaan hendaklah ditambah baik dengan memastikan setiap dasar dan program yang di anjurkan oleh Kerajaan Negeri dapat diterangkan dan disampaikan ke setiap lapisan rakyat bagi mengelakkan sebarang persepsi negatif terhadap Kerajaan.

38. Penjelasan mengenai isu-isu tular perlu dibuat melalui aplikasi instant messaging seperti Whatsapp, selain daripada menggunakan platform media sosial seperti Facebook dan Twitter selari dengan kecenderungan rakyat masa kini.

39. Bagi tujuan pengurusan hasil tanah yang lebih efisyen dan sistematik, bermula tahun ini, semakan dan bayaran hasil cukai tanah dapat dibuat berdasarkan khidmat atas talian melalui portal Sistem Hasil Tanah Kelantan SHTK.

40. Adalah diharapkan agar Pejabat SUK Kelantan dapat memastikan semua agensi Negeri dan juga Pihak Berkuasa Tempatan memulakan langkah pro aktif ke arah meningkatkan penggunaan Perkhidmatan Digital Tanpa Tunai melalui e-Pembayaran ini selari dengan Plan Halatuju ICT Negeri dan juga Plan Strategik e-Pembayaran Sektor Awam (PSPSA).

Hadirin dan Hadirat yang saya Hormati Sekalian,

41. Saya percaya penggunaan teknologi itu juga akan memberi kesan khususnya dalam corak hidup masyarakat termasuk sebagai penjawat awam.

42. Oleh itu, kita semua perlu bersedia menghadapi ekonomi masa depan dalam menuju **Revolusi Industri Keempat (IR 4.0)** kearah yang lebih **Dinamik dan berinovasi** dalam memenuhi jangkaan rakyat yang semakin tinggi.

43. Ke arah itu, perlunya Perkhidmatan Awam mempunyai keupayaan tersebut yang merangkumi aspek-aspek **pembudayaan ilmu, kepimpinan, kesepaduan kerja dan sentiasa mencari jalan terbaik** dalam menangani cabaran-cabaran dan melaksanakan tugas-tugas dan tanggungjawab yang ditaklifkan.

44. Aspek-aspek ini bakal menjadi lonjakan kepada **Konsep Pengurusan Ihirafi** yang telah kita terapkan dalam perkhidmatan awam mulai tahun lepas.

45. Dasar dan program hendaklah digubal untuk disesuaikan mengikut keadaan semasa. Bagi memastikan ekonomi sentiasa berdaya tahan perlulah sentiasa menitikberatkan pembelajaran berterusan dan inovasi untuk menghadapi cabaran dan mengekplotasikan peluang - peluang baharu.
46. Asas bagi Tadbir Urus yang dinamik dalam perkhidmatan awam adalah terletak daripada budaya institusi iaitu daripada sumber tenaga manusia dan proses yang efisien.
47. Menurut perspektif Islam, urus tadbir dinamik telah digambarkan oleh Rasulullah Shallallahu alaihi wasallam. Dengan bersumberkan wahyu Ilahi, baginda berjaya membangun negara Islam Madinah dan membentuk masyarakatnya menjadi model negara dan masyarakat yang dinamik dimana **keadilan ditegakkan, kebajikan dipenuhi, keamanan dinikmati dan kemajuan dikecapi.**
48. Sehubungan itu, saya yakin melalui pendekatan pelaksanaan secara holistik dan bersepadu, Pelan Induk Pembangunan Mampan Negeri Kelantan ini mampu untuk merealisasikan Strategi Lautan hijau.

Hadirin dan Hadirat yang saya Hormati Sekalian,

49. Saya berharap segala perancangan bagi menghadapi cabaran tahun 2020 dapat sama-sama kita jayakan khususnya dalam pelaksanaan Belanjawan 2020 dan program – program seperti Tahun Melawat Kelantan 2020, Program Desa Taqwa dan lain-lain.

50. Suka saya mengingatkan semua penjawat awam dalam melaksanakan tugas dan juga ingin mencapai strategi hendaklah mengamalkan prinsip integriti dalam konteks pentadbiran di negeri ini.
51. Rancang dan laksanakan pengurusan kewangan dan pembangunan ekonomi negeri dengan rasa penuh tanggungjawab kepada Allah. Bebaskanlah diri daripada apa jua unsur penyelewengan, salah guna kuasa, ketirisan dan rasuah.

قَالَ أَجْعَلْنِي عَلَىٰ خَزَائِنِ الْأَرْضِ إِنِّي حَفِظُ عَلِيمٌ

Yusuf berkata: "Jadikanlah daku pengurus perbendaharaan hasil bumi (Mesir); sesungguhnya aku sedia menjaganya dengan sebaik-baiknya, lagi mengetahui cara mentadbirkannya".

52. Buat akhirnya, dengan Lafaz yang mulia **Bismillahirahmanirahim**, saya melancarkan **Pelan Induk Pembangunan Mampan Negeri Kelantan 2019-2023**.

Sirru Ala Barakatillah,

أقول قولي هذا وأستغفر الله العظيم لي ولكم والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Catalán

